



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

SIARAN MEDIA

KERAJAAN UMUM PENGECCUALIAN WAKTU BEKERJA SYIF KEPADA 82,637 PETUGAS KESIHATAN

PUTRAJAYA, 11 Julai 2025 — Kerajaan mengambil maklum dan prihatin terhadap kebimbangan yang disuarakan petugas kesihatan berhubung pelaksanaan waktu bekerja syif 45 jam seminggu di bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA).

Setelah meneliti secara mendalam keperluan operasi dan hakikat tugas kritikal yang dijalankan oleh petugas kesihatan yang terlibat secara langsung dalam menyelamatkan nyawa pesakit dari katil ke katil tanpa mengira masa, Kerajaan melihat tanggungjawab sedemikian menuntut tahap kesiapsiagaan fizikal, mental dan emosi yang luar biasa.

Selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan nilai ihsan dan kebajikan dalam menjamin kesejahteraan rakyat dan penjawat awam, Kerajaan bersetuju untuk memberi **pengeccualian kepada waktu bekerja syif bagi lima (5) skim perkhidmatan kritikal** di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), dengan **menetapkan waktu bekerja kepada 42 jam seminggu**.

Pengeccualian ini melibatkan seramai 82,637 petugas kesihatan, merangkumi:

- Jururawat
- Jururawat Masyarakat
- Pegawai Perubatan di Jabatan Kecemasan
- Penolong Pegawai Perubatan
- Pembantu Perawatan Kesihatan

Langkah ini adalah komitmen Kerajaan MADANI untuk terus mendengar dan mengambil tindakan terhadap suara serta kebajikan petugas kesihatan yang menjadi tunjang sistem kesihatan negara.

####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 11 Julai 2025
E-mel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.3 (16)